

KEPAYAHAN IBU BAPA PENDORONG KEJAYAAN ANAK

November 18, 2016, Friday

Anak pengawal keselamatan, pembersih pejabat akhirnya peroleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan

// Oleh Patricia Gari //

The Borneo Post



BANGGA: Christopher diapit ibu dan bapanya merakam kenangan selepas Majlis Konvokesyen Ke-20 UNIMAS.

KOTA SAMARAHAN: Melihat kepayahan ibu bekerja sebagai pembersih pejabat untuk membantu bapanya mencari nafkah mendorong Christopher Grono, 23, berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan).

Graduan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu yang berasal dari Kuching berkata beliau yang membesar dalam keluarga sederhana, sedar hanya pelajaran dapat memperbaiki kedudukan ekonomi keluarganya.

“Salah satu faktor yang mendorong saya belajar bersungguh-sungguh ialah pekerjaan ibu bapa saya. Saya mahu memperbaiki ekonomi keluarga.

“Emak khasnya banyak berkorban untuk kami adik beradik, beliau terpaksa bekerja bagi meringankan beban bapa yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta di sini,” katanya.

Christopher yang ditemui selepas sidang keempat Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 semalam berkata beliau tidak pernah malu malah berbangga dengan pekerjaan kedua-dua orang tuanya.

Beliau yang kini bekerja sebagai jurutera di X-FAB Sarawak Sdn Bhd sejak September lalu berkata kekangan kewangan bukan alasan untuk seseorang tidak boleh berjaya dalam apa jua bidang diceburi.

“Bagi saya, kekangan kewangan bukan halangan kita boleh berjaya seperti orang lain.

“Emak dan ayah saya telah melakukan tugas mereka dengan baik sekali. Saya sangat berbangga dengan kedua-dua orang tua saya kerana mereka benar-benar bekerja keras demi kejayaan saya,” katanya.

Sementara itu, Siti Nur Azizah Amran, 23, dari Kampung No.4 Kuching juga graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan) mendedikasikan kejayaannya buat ayah tersayang.

Anak bongsu daripada tujuh adik-beradik pasangan Amran Abdul Rahman, 74 dan Majnah Sulong, 63 berkata walaupun menghadapi masalah kesihatan, ayahnya ditemani ibunya sanggup menghadiri majlis konvokesyen anak tunggal perempuannya.

“Ayah mengalami masalah paru-paru dan memerlukan alat sokongan pernafasan dan hari ini beliau mahu hadir ke majlis konvokesyen ini walaupun terpaksa membawa bersama tong oksigen,” katanya.

Siti Nur Azizah yang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang sama memberitahu bahawa bapanya tidak menghadapi masalah untuk menghadiri majlis itu kerana dua abangnya turut membantu.

“Beliau mengalami masalah ini sejak tiga tahun lalu...sebab itu saya mahu belajar bersungguh-sungguh dan kejayaan ini hadiah istimewa selagi beliau masih hidup,” kata Siti Nur Azizah.